

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU [KOTA RAJA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah siasatan telah dilakukan terhadap Datuk Hasanah Ab Hamid, Bekas Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEO) yang didakwa menerima bayaran sebanyak USD 12 juta dari ejen asing melalui negara barat menjelang PRU-14.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan terhadap Datuk Hasanah telah selesai dan telah pun didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 25.10.2018 atas pecah amanah jenayah di bawah S.409 Kanun Keseksaan. Pada 12.4.2021 atas permohonan Peguam Negara, mahkamah melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) kes ini.

Sekian, terima kasih.